



Pelaksanaan E-Pembayaran dalam Pengurusan Kutipan Sumbangan Masjid di Selangor: Satu Kajian Rintis

Implementation of E-Payment in Mosque Donation Collection Management in Selangor: A Pilot Study

Junainah Idris

Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
junainah@kuis.edu.my

Fadilah Mat Nor

Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
fadilahmn@kuis.edu.my

Nur Syaheera Atan

Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
syaheera@kuis.edu.my

Aza Shahnaz Azman

Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
azashahnaz@kuis.edu.my

ABSTRAK

Masjid adalah satu institusi yang penting dalam kalangan masyarakat Muslim. Peranan masjid tidak hanya terhad pada aspek solat sahaja bahkan ianya juga meliputi semua aktiviti berkaitan umat Islam sama ada dari aspek sosial ataupun ekonomi. Antara sumber kewangan terbesar masjid yang membantu perjalanan

aktiviti masjid adalah dari sumber sumbangan masyarakat Muslim itu sendiri. Pengurusan kutipan sumbangan ini banyak menimbulkan isu terutama dari segi ketelusan dan kecekapan. Isu penyelewengan duit masjid, kehilangan dan kecurian adalah isu yang tidak boleh dipandang ringan dan perlu ditangani demi memastikan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan masjid tidak hilang. Selari dengan perubahan landskap pasaran daripada konvensional kepada digital, masjid juga seharusnya tidak terkecuali dari mengadaptasi perubahan teknologi agar kekal relevan dan dapat meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan mereka. Kaedah e-pembayaran adalah satu kaedah yang dilihat dapat membantu memudahkan dan meningkatkan kecekapan pihak pengurusan masjid dalam menguruskan proses kutipan sumbangan masyarakat Muslim. Justeru itu kajian ini akan melihat apakah persepsi pihak pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran di masjid mereka. Pengumpulan data bagi kajian rintis ini adalah melalui edaran borang soal selidik kepada 20 responden yang terdiri daripada jawatankuasa pengurusan masjid di lapan buah masjid di Sepang, Selangor. Data telah dianalisis menggunakan perisian SPSS *version* 26. Dapatan bagi kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pengurusan dalam membuat keputusan sama ada perlunya pelaksanaan e-pembayaran di masjid mereka.

Kata kunci: E-pembayaran; Masjid; Sumbangan dan Infaq; Pengurusan; UTAUT

ABSTRACT

In the Muslim community, the mosque is a vital institution. The mosque's role is not limited to prayer; it also encompasses all activities related to Muslims, including social and economic factors. Money donated by the Muslim community is one of the most important financial sources that support the mosque's activities. Many issues arise in terms of accuracy and efficiency when managing these financial sources. The issue of misappropriation, loss, and theft of mosque funds is serious and must be addressed in order to maintain the community's trust in the mosque. In line with the shift in the market landscape from traditional to digital, mosques must adapt to technological changes in order to remain relevant and improve their financial management efficiency. Implementing e-payment is seen as facilitating and enhancing the efficiency of mosque management in collecting donations from the Muslim community. As a result, this study will investigate mosque management's attitudes toward the implementation of e-payment in their mosque. This study used data from a pilot study in which the responses of 20 respondents from the mosque management committee in eight mosques in Sepang were analyzed using SPSS software version 26. The study's findings are expected to assist management in determining whether or not to implement e-payment in their mosque.

Keywords: E-payment; Mosque; Donations and Infaq; Management; UTAUT

PENDAHULUAN

Pelaksanaan e-pembayaran adalah satu kaedah yang menjadi pilihan kebanyakan masyarakat termasuk masyarakat Muslim dalam melakukan pembayaran untuk pembelian barangan. Perkembangan ini adalah satu isyarat yang positif dalam merealisasikan hasrat kerajaan mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai (*cashless society*). Kerajaan juga menerusi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang telah dilancarkan pada 19 Februari 2021, telah mempromosikan program *onboarding* pembayaran elektronik dan e-dompot bagi peniaga dan pengguna sebagai inisiatif ke arah masyarakat tanpa tunai ((KPDN), 2023).

Dalam usaha mewujudkan masyarakat tanpa tunai, kaedah e-pembayaran ini juga mula dimanfaatkan oleh badan-badan dan institusi yang tidak bersifat komersial termasuklah masjid. Pengguna bukan hanya tertumpu kepada pembelian, malah penggunaan e-pembayaran telah diluaskan kepada pemberian infaq dan sumbangan kepada masjid. Pelaksanaan e-pembayaran khususnya e-dompot telah mula dilaksanakan pada tahun 2019 di mana Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) dengan kerjasama syarikat TNG Digital telah menyediakan kemudahan bagi masyarakat menyalurkan derma dan sumbangan kepada masjid dengan mengimbas kod QR pada aplikasi e-dompot mereka (Helmi, 2019).

Namun begitu penggunaan e-dompot ini dilihat belum menjadi satu budaya dalam pemberian infaq dan sumbangan di masjid. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2019 dalam program e-derma, hanya 43 daripada 442 masjid di Selangor yang menawarkan kemudahan memberi infaq dan sumbangan menggunakan e-dompot (Anon, 2022). Hasil penelitian awal penyelidik, 43 masjid di Selangor yang menyediakan kemudahan e-dompot, 17 masjid adalah dari daerah Petaling, 3 masjid dari Klang, 10 masjid di daerah Gombak, 12 masjid dari daerah Hulu Langat dan 1 masjid dari daerah Hulu Selangor. Masjid di daerah Sepang, Kuala Selangor, Kuala Langat dan Sabak Bernam masih lagi belum menawarkan kemudahan e-dompot.


Penggunaan e-pembayaran dalam penerimaan infaq dan sumbangan di masjid banyak memberi manfaat dan memudahkan pengurusan masjid dalam mengawal selia serta menguruskan kemasukan wang ke masjid. Masjid pada umumnya menghadapi masalah dari aspek pengurusan kewangan. Ini kerana terdapat banyak kes kecurian duit tabung masjid serta isu penyelewengan. Isu ini tidak boleh dipandang ringan kerana masjid adalah satu institusi yang dipandang tinggi dalam masyarakat Muslim. Isu-isu ini hanya akan mencalar imej masjid dan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan masjid. Antara isu kecurian yang terbaru adalah kecurian duit tabung di Masjid Bukit Besi, Dungun Terengganu yang melibatkan pasangan suami isteri yang melakukan perbuatan mencuri berulang kali di beberapa masjid di daerah terbabit (Ilham, 2023). Kutipan wang sumbangan melalui tabung masjid ini juga dilihat mampu menarik perhatian pihak yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan aktiviti yang sama walaupun pihak masjid melakukan pemantauan melalui kamera litar tertutup. Suruhanjaya Pencegah

Rasuah Malaysia (SPRM) juga melaporkan sering menerima aduan penyelewengan dana tabung masjid. Justeru itu SPRM menasihatkan jawatankuasa masjid menggunakan sistem yang jelas dalam pengumpulan dana agar pengurusan lebih mudah dan dapat mengelakkan penyelewengan berlaku (Isa, 2021). Yasoa et al., 2016, menyatakan perlunya pemerkasaan dalam pengurusan dana masjid agar tidak berlaku sebarang ketirisan dan dana dapat dimanfaatkan sewajarnya. Justeru itu amat wajar pengurusan masjid menjadikan platform e-pembayaran sebagai kaedah kutipan wang infaq dan sumbangan dari masyarakat. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti persepsi pihak pengurusan terhadap pelaksanaan e-pembayaran di masjid mereka.

MODEL UTAUT

Bagi melaksanakan kajian ini penyelidik menggunakan faktor dalam model *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology* (UTAUT) iaitu faktor jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh persekitaran, dan kemudahan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pengurusan masjid dalam mengaplikasikan e-pembayaran di masjid mereka. Ini kerana masih terdapat sedikit kajian terkini yang menggunakan model UTAUT dalam konteks pengurusan kewangan masjid di Malaysia.

Model UTAUT (Rajah 1) mencadangkan bahawa empat konstruk teras iaitu jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh persekitaran dan kemudahan adalah penentu langsung niat tingkah laku. Konstruk ini seterusnya disederhanakan mengikut jantina, umur, pengalaman, dan kerelaan penggunaan (Venkatesh et al., 2003). Maka dengan mengkaji kehadiran setiap konstruk ini, penyelidik dan pengamal akan dapat menilai niat individu untuk menggunakan sistem tertentu, dengan itu membolehkan penyelidik mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penerimaan. Teori ini dibangunkan melalui kajian semula dan penyepaduan lapan teori dan model yang dominan iaitu: *Theory of Reasoned Action (TRA)*, *Technology Acceptance Model (TAM)*, *Motivational Model*, *Theory of Planned Behaviour (TPB)*, *Teori gabungan TBP/TAM*, *Model of PC Utilization*, *Innovation Diffusion Theory (IDT)*, dan *Social Cognitive Theory (SCT)*. Teori dan model ini semuanya telah digunakan secara meluas oleh sebilangan besar penyelidik terdahulu tentang penggunaan teknologi atau inovasi dan penyebaran dalam pelbagai disiplin termasuk sistem maklumat, pemasaran, sosial psikologi, dan pengurusan.

Rajah 1: Model *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT)*

Sumber: Venkatesh et al. (2003)

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif dengan teknik pengumpulan data melalui edaran borang soal selidik melalui *platform google form* serta edaran terus kepada responden secara bersemuka. Ini adalah kerana kebanyakan responden yang terlibat dalam kajian mempunyai pengetahuan yang agak terhad berkenaan pengisian secara dalam talian. Justeru itu penyelidik mengambil keputusan melaksanakan proses kutipan data menggunakan dua kaedah ini. Item yang diletakkan dalam borang soal selidik juga telah melalui proses semakan dan pengesahan daripada pakar bidang untuk memastikan soalan-soalan yang dikemukakan adalah bertepatan dan mudah difahami oleh responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan peringkat umur. Data bagi kajian rintis ini dianalisa menggunakan *Statistic Package for Social Science (SPSS) for Windows version 26* dan teknik analisis yang dilaksanakan adalah analisis deskriptif, regresi berganda dan *Mann-Whitney U Test and Kruskal Wallis Test*. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik telah memilih teknik persampelan rawak mudah. Sampel kajian yang telah dipilih oleh penyelidik untuk kajian rintis ini adalah terdiri daripada 4 orang pengurus masjid di daerah Sepang Selangor samada terdiri daripada pengurus, bendahari atau ahli jawatankuasa yang berkaitan. Sebanyak 32 borang soal selidik telah diedarkan, namun begitu hanya 20 orang responden yang memberi maklumbalas. Berdasarkan Popescu et al. (2021), saiz sampel bagi kajian rintis yang dicadangkan oleh Isaac & Michael (1995) dan Hill (1998) adalah antara 10 hingga 30 responden dan bukan sebahagian daripada populasi yang dikaji tetapi mempunyai persamaan ciri-ciri peserta kajian. Oleh yang demikian, jumlah 20 orang responden ini adalah mencukupi untuk mendapatkan maklumat awal dalam menjalankan kajian rintis.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Jadual 1: Demografi Responden

Item	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
1. Jantina	Lelaki	19	95.0
	Perempuan	1	5.0
2. Umur	21-30 tahun	0	0.0
	31-40 tahun	4	20.0
	41-50 tahun	6	30.0
	51-60 tahun	5	25.0
	61 tahun ke atas	5	25.0
3. Jawatan dalam Pengurusan masjid	Nazir	4	20.0
	Pengurus	0	0.0
	Timbalan Nazir	5	25.0
	Timbalan Pengurus	1	5.0
	Bendahari	2	10.0
	Timbalan Bendahari	4	20.0
	AJK	1	5.0
4. Tempoh memegang jawatan sebagai pengurus masjid	Lain-lain	3	15.0
	Kurang daripada 1 tahun	6	30.0
	1-3 tahun	4	20.0
	4-6 tahun	4	20.0
	7-9 tahun	2	10.0
	10 tahun dan ke atas	4	20.0
5. Jenis pekerjaan semasa (selain sebagai pengurus masjid)	Profesional	3	15.0
	Pentadbiran	3	15.0
	Sokongan	2	10.0
	Bekerja sendiri	7	35.0
	Pesara	5	25.0
6. Latar belakang pendidikan	Lain-lain	0	0.0
	Tiada Pendidikan formal	0	0.0
	UPSR	0	0.0
	PMR/SRP	2	10.0
	SPM/MCE	4	20.0
	STPM/STAM/HSC/UEC	0	0.0
	Sijil	2	10.0
	Diploma	3	15.0
	Ijazah Pertama (Degree)	6	30.0
	Ijazah Sarjana (Master)	3	15.0
PHD	0	0.0	

Jadual 1 menunjukkan majoriti responden adalah lelaki iaitu sebanyak 95 peratus manakala wanita hanya 5 peratus. Bagi kategori umur responden, sebanyak 30 peratus responden adalah berumur 41 hingga 50 tahun. Ini diikuti oleh responden

yang berumur dalam lingkungan 51 hingga 60 tahun ke atas iaitu sebanyak 25 peratus. Manakala sebanyak 20 peratus responden berumur 31 hingga 40 tahun. Selain daripada itu, maklumat berkaitan jawatan dalam pengurusan masjid menunjukkan 25 peratus responden adalah Timbalan Nazir, 20 peratus Nazir dan Timbalan Bendahari, 15 peratus jawatan lain yang terlibat dalam pengurusan berkaitan kewangan, 10 peratus Bendahari dan baki 5 peratus adalah Timbalan Pengurus dan AJK. Dapatan kajian juga menjelaskan mengenai tempoh memegang jawatan. Sebanyak 30 peratus memegang jawatan kurang dari 1 tahun, 20 peratus memegang jawatan masing-masing selama 1 hingga 3 tahun, 4 hingga 6 tahun dan 10 tahun ke atas. Baki 10 peratus adalah 7 hingga 9 tahun. Bagi tahap pendidikan responden pula, sebanyak 30 peratus responden mempunyai Ijazah Pertama, ini diikuti oleh tahap pendidikan diperingkat SPM/MCE iaitu sebanyak 20 peratus, Diploma (15 peratus), Ijazah Sarjana (15 peratus) dan baki adalah tahap pendidikan peringkat Sijil (10 peratus), PMR/SRP (10 peratus). Maklumat berkaitan pekerjaan semasa juga dijelaskan dalam kajian ini. 35 peratus bekerja sendiri, diikuti oleh 25 peratus responden adalah pesara. Selain daripada itu, sebanyak 15 peratus responden menjawat jawatan professional dan pentadbiran manakala 10 peratus menjawat jawatan sebagai staf sokongan.

Maklumat Umum

Jadual 2: Maklumat Umum

Item	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Adakah terdapat perkhidmatan e-pembayaran di masjid anda	Ya	10	50.0
	Tidak pasti	1	45.0
	Tidak	9	5.0
Adakah anda bersedia untuk melaksanakan perkhidmatan e-pembayaran di masjid anda di masa akan datang?	Ya	19	95.0
	Tidak	1	5.0

Jadual 2 menunjukkan maklumat umum mengenai status perkhidmatan e-pembayaran di masjid serta kesediaan pengurusan masjid melaksanakan e-pembayaran di masjid mereka. Bagi status perkhidmatan e-pembayaran, sebanyak 50 peratus menyatakan mereka telah ada menyediakan e-pembayaran, 45 peratus tidak pasti samada e-pembayaran ada atau tidak manakala 5 peratus tidak ada menyediakan e-pembayaran di masjid mereka. Bagi kesediaan melaksanakan e-pembayaran pula, 95 peratus bersedia melaksanakan e-pembayaran manakala hanya 1 peratus tidak bersedia. Dapatan ini menunjukkan masih ada pengurusan masjid yang tidak mengetahui samada masjid mereka ada menyediakan e-pembayaran atau tidak. Ini adalah kerana masjid masih menjadikan kutipan tabung sebagai kaedah utama dalam kutipan sumbangan masyarakat kepada masjid. Dapatan ini juga agak

menarik walaupun ianya hanya dapatan kajian rintis kerana ada pengurusan masjid yang tidak bersedia melaksanakan e-pembayaran di masjid.

Analisis Kebolehpercayaan

Jadual 3: Analisis kebolehpercayaan data bagi setiap pembolehubah

Pembolehubah	N	Nilai <i>Alfa Cronbach</i>
Tahap Kesedaran	5	.832
Tahap Kesiediaan	5	.950
Jangkaan Prestasi	4	.774
Jangkaan Usaha	5	.834
Pengaruh Persekitaran	5	.828
Kemudahan	4	.514
Keseluruhan	28	.883

Kebolehpercayaan instrumen soal selidik kajian ini dapat dilihat melalui nilai pekali *Alfa Cronbach* dalam Jadual 3. Berdasarkan prosedur kesahan dan kebolehpercayaan bagi kajian rintis yang dilaksanakan, hasil analisis mendapati nilai pekali *Alfa Cronbach* secara keseluruhan bagi kajian ini ialah .883. Lima pembolehubah menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang baik iaitu > .700. Nilai kebolehpercayaan yang diterima oleh para sarjana adalah nilai pekali *Alfa Cronbach* melebihi .700 (Mohd. Majid, 1998; Sekaran, 2003). Pembolehubah tahap kesediaan menunjukkan item-item yang diuji sangat menepati kehendak kajian dengan bacaan nilai kebolehpercayaan tertinggi iaitu .950. Diikuti oleh pembolehubah jangkaan usaha dengan nilai kebolehpercayaan .834, pembolehubah tahap kesedaran sebanyak .832, pembolehubah pengaruh persekitaran sebanyak .828 manakala pembolehubah jangkaan prestasi sebanyak .774. Walau bagaimanapun, pembolehubah kemudahan menunjukkan bacaan kebolehpercayaan terendah dengan nilai pekali *Alfa Cronbach* sebanyak .514. Beberapa pengubahsuaian didapati perlu dilaksanakan terhadap item pembolehubah kemudahan bagi memastikan keseluruhan item yang digunakan dalam kajian lapangan adalah item yang menepati kehendak permasalahan yang sebenar.

Analisis Deskriptif

Interpretasi skor min tahap kesedaran dan kesediaan pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran dalam kajian ini dinilai berdasarkan jadual 4 interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Oxford (1990). Interpretasi skor min ini menjelaskan bahawa tahap kesedaran dan kesediaan yang tinggi (skor min antara 3.5 sehingga 5.0), tahap kesedaran dan kesediaan yang sederhana (skor min antara 2.5 sehingga 3.4) dan tahap kesedaran dan kesediaan yang rendah (skor min 1.0 sehingga 2.4). Jadual 2.0 di bawah menunjukkan jadual pengelasan skor min tahap kesedaran dan kesediaan pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran secara terperinci.

Jadual 4: Pengelasan dan Tahap Penilaian Skor Min

Skor	Tahap
1.00– 2.40	Rendah
2.50 – 3.40	Sederhana
3.50 – 5.00	Tinggi

Sumber: Oxford, 1990

Berdasarkan analisis skor min dalam Jadual 5, analisis kajian rintis mendapati tahap kesedaran dan kesediaan pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran adalah pada tahap yang tinggi. Hal ini berikutan skor min yang ditunjukkan oleh pembolehubah tahap kesedaran adalah sebanyak 4.2400, manakala skor min yang ditunjukkan oleh pembolehubah tahap kesediaan adalah sebanyak 4.2600. Kedua-dua dapatan kajian ini menunjukkan pengurusan masjid tahu dan cakna terhadap keperluan e-pembayaran dan bersedia untuk melaksanakan e-pembayaran di masjid-masjid bagi tujuan kutipan dana dan sumbangan.

Jadual 5: Analisis Skor Min

Pembolehubah	Min	Tahap
Tahap kesedaran	4.2400	Tinggi
Tahap kesediaan	4.2600	Tinggi

Analisis Regresi Linear Berganda

Analisis seterusnya menggunakan kaedah regresi linear berganda bagi mengenal pasti pembolehubah tidak bersandar yang mempengaruhi pembolehubah bersandar. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, nilai regresi adalah signifikan (*Adjusted R Square* = 0.565, *p-value* = .002). Kesediaan pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran diterangkan oleh faktor jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh persekitaran dan kemudahan sebanyak 56.5%. Secara keseluruhan, model adalah baik (*p-value* = .002).

Jadual 6: Keputusan Analisis Regresi Linear Berganda

Item	Nilai t	Nilai Signifikasi	Nilai Beta, β
Jangkaan prestasi	.747	.467	.212
Jangkaan usaha	1.381	.188	.341
Pengaruh persekitaran	-.554	.588	-.102
Kemudahan	2.509	.024	.518
<i>Adjusted R Square</i>	.565		
<i>F Value</i>	7.167		
<i>F Sig.</i>	.002 ^b		

Berdasarkan Jadual 6, hanya faktor kemudahan didapati signifikan ($p\text{-value} < .05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor kemudahan ($\beta = 0.518$, $p\text{-value} = .024$) dikenal pasti sebagai faktor dominan yang mempengaruhi kesediaan pengurusan masjid dalam melaksanakan e-pembayaran. Nilai $\beta = 0.518$ menerangkan bahawa kenaikan 1-unit faktor kemudahan menyebabkan pertambahan sebanyak 0.518 bagi kesediaan pengurusan masjid. Walau bagaimanapun, faktor jangkaan prestasi ($\beta = 0.212$, $p\text{-value} = .467$), faktor jangkaan usaha ($\beta = 0.341$, $p\text{-value} = .188$) dan faktor pengaruh persekitaran ($\beta = -0.102$, $p\text{-value} = .588$) didapati tidak signifikan dalam mempengaruhi pengurusan masjid melaksanakan e-pembayaran. Ini dapat disimpulkan bahawa faktor jangkaan prestasi, jangkaan usaha dan pengaruh persekitaran hanya mempunyai hubungan, tetapi tidak mempengaruhi kesediaan pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran.

Ujian Mann-Whitney U and Kruskal Wallis

Dapatan seterusnya menunjukkan kesediaan pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran tidak dipengaruhi oleh faktor demografi responden ($p\text{-value} > .05$). Tiada perbezaan kesediaan pengurusan masjid didapati di antara lelaki dan perempuan, peringkat umur responden, lokasi masjid, pekerjaan semasa responden dan tahap pendidikan responden. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kesediaan pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran tidak dipengaruhi oleh faktor demografi responden. Jadual 7 di bawah menunjukkan dapatan analisis kajian secara terperinci.

Jadual 7: Ujian Mann-Whitney U and Kruskal Wallis bagi faktor demografi dan kesediaan pengurusan masjid terhadap pelaksanaan e-pembayaran

Faktor Demografi	Nilai Signifikasi
Jantina	.300
Umur	.933
Lokasi masjid	.208
Pekerjaan semasa	.150
Pendidikan	.422

Sumber: Data Primer

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Keseluruhannya dapat dirumuskan di sini tahap kesedaran pengurusan masjid terhadap kewujudan kemudahan e-pembayaran adalah tinggi. Bahkan mereka juga sedar e-pembayaran ini mempunyai banyak manfaat jika digunakan di masjid. Tahap kesediaan melaksanakan e-pembayaran di masjid juga adalah tinggi. Walaubagaimanapun, data kajian rintis ini hanya menyasarkan daerah Sepang yang mana dikategorikan sebagai kawasan pinggir bandar di Negeri Selangor. Secara umumnya kebanyakan pihak pengurusan masjid mengetahui mengenai e-

pembayaran dan mereka sendiri menggunakan e-pembayaran dalam urusan seharian. Sekiranya dilihat dari aspek demografi juga ada kalangan pengurusan masjid yang mempunyai tahap pendidikan diperingkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Justeru dapat dinyatakan di sini bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang baik terhadap penggunaan teknologi digital dalam pasaran.

Walaupun bagaimanapun, dapatan dijangkakan berbeza sekiranya pengumpulan data meliputi kawasan yang lebih luas merangkumi kawasan luar bandar di Selangor seperti di daerah Sabak Bernam. Kajian Nur Syazwani Norezam & Zanisah Man, 2023 mengenai amalan e-pembayaran dalam kalangan masyarakat luar bandar mendapati secara keseluruhan amalan pembayaran tanpa tunai ini diterima baik oleh masyarakat di luar bandar ekoran inisiatif kerajaan menggalakkan pembayaran tanpa tunai melalui geran e Pemula dan pemberian bantuan pada belia melalui e-dompot (Nur Syazwani Norezam & Zanisah Man, 2023). Namun begitu, dapatan ini hanya menumpukan kepada penggunaan e-pembayaran bagi aktiviti pembelian dan tidak meliputi pemberian sumbangan ke masjid. Pernyataan ini selari dengan kajian mengenai penggunaan e-pembayaran dalam kalangan penduduk pinggir bandar di Melaka di mana dapatan kajian menunjukkan bahawa tujuan responden menggunakan e-pembayaran adalah untuk pembayaran bil, pemindahan wang, pembelian dalam talian, kredit tambahan telefon, tempahan hotel, membeli tiket dalam talian (Dalia Risz, Maryam Mohd Esa, Hazanah Miskan, Liyana Hussain, 2021).

Dari aspek kesediaan pula, faktor kemudahan yang meliputi kemudahan capaian internet, kemudahan perbankan dalam talian (*online banking*), penyaluran maklumat dan bantuan bagi pertanyaan berkaitan e-pembayaran didapati menjadi faktor utama yang mempengaruhi pengurusan masjid dalam melaksanakan e-pembayaran. Kajian mendapati ada masjid yang masih tidak mempunyai perbankan dalam talian atas faktor-faktor dokumentasi dan dalaman manakala faktor jangkaan usaha, jangkaan prestasi, persekitaran dan demografi tidak mempengaruhi kesediaan pengurusan masjid dalam melaksanakan e-pembayaran walaupun faktor-faktor ini mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kesediaan mereka.

Sebagai kesimpulannya, e-pembayaran berpotensi untuk dilaksanakan di masjid dalam usaha mengekang masalah pengurusan kewangan yang melibatkan kutipan sumbangan masyarakat kepada masjid. Sistem e-pembayaran akan menjadikan pengurusan kewangan menjadi lebih mudah dan sistematik. Kesediaan pihak pengurusan melaksanakan e-pembayaran di masjid adalah satu isyarat yang sangat baik dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan masjid. Secara umumnya kajian rintis ini hanya memfokuskan pada satu daerah sahaja di Negeri Selangor yang mewakili pinggir bandar. Dapatan dijangka akan berbeza apabila ianya merangkumi daerah luar bandar sebagaimana yang telah dinyatakan di awal perbincangan tadi. Namun begitu dapatan ini boleh dijadikan rujukan dalam kajian

berkaitan e-pembayaran di masjid. Kajian-kajian lain dicadangkan memfokuskan pada kesediaan pengguna pula dalam menjadikan e-pembayaran dalam pemberian sumbangan ke masjid ini sebagai satu budaya.

PENGHARGAAN

Kajian ini menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (2022/P/GPIK/GPS-05/014).

RUJUKAN

- Anon. (2022, June 20). Share your kindness through your e wallet. Retrieved from Touch 'n Go E Wallet: <https://www.tngdigital.com.my/donation>
- Dalia, R., Maryam, M. E., Hazanah, M., & Liyana, H. (2021). Kesediaan penggunaan e-wallet dalam kalangan penduduk pinggir bandar di Melaka. *E-Journal Of Education 2021 (9th Edition)*, 320-328.
- Helmi. (2019, Mei 02). Guna Touch 'n Go e-wallet untuk menderma ke masjid menjelang Ramadhan. Retrieved from e Wisar: <https://wiser.my/anda-boleh-guna-touch-n-go-e-wallet-untuk-beri-sumbangan-di-10-buah-masjid-ini>
- Hill, J. (1998). Book reviews. *International Small Business Journal*, 16(4), 113–115. <https://doi.org/10.1177/0266242698164009>
<https://doi.org/10.1177/0266242698164009>
- Ilham, R. (2023, Jun 14). Tak kenal serik, suami isteri curi tabung masjid direman lagi. Retrieved from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1114475/tak-kenal-serik-suami-isteri-curi-tabung-masjid-direman-lagi>
- Isa, B. H. (2021, Disember 8). SPRM sering terima aduan seleweng dana, tabung masjid. Retrieved from Utusan Malaysia: <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/12/sprm-sering-terima-aduan-seleweng-dana-tabung-masjid/>
- Isaac, S., & Michael, W. B. (1995). Handbook in research and evaluation: A collection of principles, methods, and strategies useful in the planning, design, and evaluation of studies in education and the behavioral sciences (3rd ed.). EdITS Publishers.
- KPDN, K. P. (2023, Jun 16). Jom guna e wallet. Retrieved from Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN): <https://eredi.kpdn.gov.my/>
- Mohd Majid, K. (1998). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd, R., & Yasoa, M. S. (2016). Pengurusan dana pusat ibadah: Kajian eksplorasi kes beberapa masjid di Kelantan. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 5, (October), 155-165.

- Nur Syazwani, N., & Zanisah, M. (2023). Amalan pembayaran tanpa tunai oleh masyarakat luar bandar: Antara persepsi dan realiti. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1-12.
- Oxford, R. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York: Newbury House Publishers.
- Popescu, Gh, C. R., Verma, & Rahul. (2021). *Sustainable and responsible entrepreneurship and key drivers of performance*. IGI Global.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach*. 4th Edition, John Wiley & Sons, New York.
- Venkatesh, V. M. D. D. (2003). User acceptance of information technology: Toward a unified view. *MIS Quarterly*, 27, 425-478.